

# PEMIKIRAN BIAR TARAF MAHASISWA

Perlu muhasabah, baiki kelemahan supaya tidak hanyut dengan keseronokan alam kampus

lain dunia pekerjaan dan masyarakat.

"Sejajanya kita gagal menyikap diri dan tidak memanfaatkan pengalaman dan pengetahuan ditimba. Kesannya kita akan lihat kepada generasi pewaris bangsa suatu hari nanti," katanya.

Sementara itu, Muhammad Aiman Hakim Abdul Majid, 17, pula berkata, sikap sentiasa muhasabah diri untuk melihat di mana kelemahan dan memperbaikinya perlu ditanam mahasiswa supaya tidak hanyut dengan keseronokan alam kampus.

Katanya, biarpun kebanyakan pelajar yang mengikuti program Asasi adalah bijak dan memperoleh keputusan cemerlang, ia bukan jaminan mereka mampu mengharungi tempoh pengajian setahun yang padat dan mencabar kerana risiko gagal sentiasa ada kalau tidak bersedia.

"Keyakinan diri terhadap kemampuan diri kena tinggi kerana perlu bersaing dengan ramai pelajar yang bijak pandai. Memperoleh keputusan yang teruk akan 'ditendang keluar'."

"Apalah lagi gejala kejutan budaya bukan hanya terbatas kepada aspek sosial tetapi ruang lingkungannya boleh mencakupi kaedah belajar, pembahagian masa dan komunikasi dengan orang di sekeliling," katanya.

Sementara itu, Pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa ICS UIAM Kampus UIAM Gambang menerima 3,604 pelajar untuk sesi akademik semester satu 2019/2020.

Untuk kemasukan kali ini, ia mencatat satu sejarah yang tersendiri di mana CFS UIAM Kampus Gambang mula dibuka sepenuhnya dan beroperasi keseluruhan untuk aktiviti pembelajaran dan pengajaran pada kemasukan ini.

Pelajar baharu menjalani program 'Taraf' atau lebih dikenali dengan minggu suai kenal. Separang lima hari bertaraf, pelbagai aktiviti dan taklimat diberikan kepada penuntut baharu supaya mereka akan lebih mengenali sekelok belakang sekitar kampus terutama berkaitan kuliah pengajian dan jabatan yang terdapat di UIAM.



OTHMAN (tiga dari kanan) berhadapan dengan penuntut baharu asasi UKM.



PELAJAR Asasi UNIMAS berpuasa mengikut kaum di Sorowani ketika majlis ikrar.

## DARI MUKA 43

Pelajar Asasi Pintar UKM, Nur Aqilah Muhammad Badrudin, 18, turut merasai perbezaan ketara apabila kini bergelar mahasiswa.

"Bergelar mahasiswa secara keseluruhannya berpusing kepada pelajar dan penyarah atau tutor sebagai pembimbing, fasilitator atau pemedah cara."

"Sebaliknya adalah inisiatif mahasiswa sendiri untuk membentuk penuntut yang holistik dan cemerlang. Apabila bergelar mahasiswa, taraf atau tahap pemikiran berubah sejajar dan selaras dengan makna sebenar mahasiswa itu sendiri."

"Pemikiran ini penting kerana ia melambangkan satu penanda aras yang menunjukkan kita sebenarnya adalah mahasiswa," katanya ditemui selepas Majlis Ikrar Pelajar Baharu Sempena Minggu Mesra Pelajar Asasi Pintar UKM di Kampus Induk, UKM Bangi, Selangor, baru-baru ini.

Asasi Pintar UKM menerima 458 pelajar baharu bagi sesi 2019/2020 untuk pengajian selama setahun.

Majlis itu dirasmikan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UKM, Prof Dr Othman A Karim. Hadir sama, Pengarah Pusat Genius & Pintar Negara, Prof Datoq Dr Noriah Mohd Isahak.

Nur Aqilah berkata, sebagai bakal mahasiswa yang akan menjejakkan kaki ke universiti, mereka perlu mempersiapkan diri dari segi mental, fizikal, jasmani, emosi, rohani dan juga intelek sebagai bekalan untuk melayani bahtera kehidupan di alam kampus.

"Jika kita lihat, kampus adalah alam yang paling menyeronokkan setiap mahasiswa sepanjang menuntut ilmu. Ini adalah peluang untuk mempersiapkan diri kepada alam severusnya



MUHAMMAD Aiman Hakim



PENDAFTARAN pelajar Asasi CFS UIAM.